

# Qalam

Bilangan 50—Muharram 1374—September 1954—60 Sen

## Ke Mekah Dengan Sebelas Juta Ringgit

Haji itu adalah difardukan kepada tiap-tiap orang yang mampu dan berupaya menunaikannya; dan sudah terang bahawa orang-orang yang ada “Seru” jua yang menunaikannya kerana banyak yang kita lihat orang-orang yang mampu dan sanggup tidak dapat pergi menunaikan fardu Islam yang kelima itu.

Tiap-tiap tahun orang-orang Islam sama ada di Malaya atau di mana-mana jua pergi menunaikan fardu Haji menyambut seruan Tuhan, *labbayka Allāhumma labbayk-labbayk lāsharīka laka labbayk*-tidak lain kerana pengabdian diri mereka berharap kepada keredhaan Illahi dan bersyukur kepada Allah yang telah melorong dan membolehkan mereka, dengan rezeki dan perolehan serta tenaga yang diberinya dapat menunaikan seruannya yang sangat besar itu dengan tidak berharap balasan, kemegahan atau kenamatan dunia apalagi berharap semata-mata kepada kebendaan seperti yang diajar oleh orang-orang komunis dan diikuti pula oleh falsafah kebangsaan Jahiliyyah, yang memandang semata-mata kerugian jua bahkan orang-orang yang menunaikan fardu Haji itu kerana wang yang dibawa keluar itu tidak ada baliknya ke Malaya ini.

Seorang penulis ruangan agama bagi sebuah akhbar Melayu tempatan baharu-baharu ini telah menulis sebuah rencana yang di antara lain-lain menyatakan bahawa bagi tahun ini sahaja lebih kurang sebelas milion ringgit telah digunakan kerana menunaikan fardu Haji yakni wang tambang perjalanan dan makan. Tatkala memberi pandangannya pada segi ekonomi di antara lain-lain ia berkata:

“.....wang yang banyak dikeluarkan oleh jemaah Haji dari Malaya dicurahkan semata-mata kepada syarikat perkapalan Haji dan Tanah Arab tidak pun mendatangkan apa-apa kehasilan yang dapat dipandang memberi faedah kepada masyarakat bangsa Melayu kecuali jemaah-jemaah Haji sahaja yang telah dapat menunaikan satu fardu agama.”

Kemudian ia menyatakan jika wang itu dicurahkan kepada negeri lain sudah harus juga Malaya dapat pertukaran banyak bahan-bahan mentah, jentera. Kain baju dan seumpamanya yang bakal dapat dirasa oleh orang-orang Melayu sendiri- orang-orang Meayu tidak pernah merasa atau mengecop kemaksuran yang datang dari negeri Arab jika dibandingkan dengan banyaknya wang yang dicurahkan ke sana. Kemudian ia bertanya: “tidakkah itu satu sikap yang merugikan ekonomi Malaya dan Melayu?”

Ia menyatakan juga supaya syarikat perkapalan dan kerajaan Saudi mengadakan *scholarship-scholarship* Haji seberapa banyak tiap-tiap tahun.

Apabila kita memerhatikan pertanyaan ini maka teringatlah kita kepada perkataan pengasas faham kebangsaan Indonesia, Doktor Sotomu yang mengatakan digaul lebih baik daripada Mekah yang seolah-olahnya bertujuan membalikkan kiblat umat Islam dari Mekah kepada di Gol (tempat pembuangan siyasah orang-orang Indonesia pada zaman penjajahan Belanda dahulu).

Jika kita hendak berkata-kata di dalam perkara ekonomi maka semoleknya hendaklah disiyasah apakah ada perhubungan-perhubungan perniagaan di antara Malaya dan Saudi Arabia. Cuba siasat dan perhatikan bahawa pertukaran-pertukaran perniagaan di antara Tanah Arab dengan Malaya sememangnya ada. Banyak barang-barang mentah kita dihantar ke sana, papan dan lain-lain benda perumahan ada dibawa masuk ke sana dari sini-bukannya sahaja ke Johor tetapi ke lain-lain tempat di negeri-negeri Arab. Wang-wang mereka tentu digunakan kerana membayar barang-barang itu tetapi pengeluaran dari negeri mereka yang diharap oleh penulis itu

dibawa ke mari sebagai tukaran barang tentulah tidak boleh diharap- “jentera dan barang-barang mentah serta pakaian yang boleh memakmurkan orang-orang Melayu” tidak ada dibuat di Tanah Hajar- mereka tidak ada barang perkeluaran selain daripada minyak- sedang barang-barang makanan pun kebanyakannya dibawa dari luar. Apakah barang yang tiada itu diharap olehnya? Berharap angin namanya. Apa penulis itu berharap supaya pasir dan air zam zam dibawa ke mari dijadikan kemakmuran bangsa Melayu?

Menurut pendapat kita, adalah bukan pada tempatnya kita, khasnya seorang yang mengaku dirinya Islam dan menulis perkara-perkara agama, mencuba membawa-bawa perkara perbandingan iktisad dengan masalah ibadat, kita melihat banyak perkara-perkara lain yang mubzar yang digunakan oleh orang-orang kita yang patut diperingatkan.

Jika kita tidak berpuas hati dengan layanan di kapal dan seumpamanya adalah itu tidak kena mengena dengan cara fardu Haji. Kita mesti menyesuaikan keadaan dan wang yang dibayar untuknya di dalam perjalanan. Kita tidak boleh pergi menunaikan Haji dengan berjalan kaki yang tidak menggunakan belanja – jika mahu senang banyak tempat kesenangan dengan bayaran yang mahal dan bayaran murah sudah tentu keadaannya tidak sama dengan tempat yang boleh bersenang-senang-semuanya menghendaki belanja dan perbelanjaan. Demikian juga di Hijjaz jika mahu senang ada tempat yang senang tetapi mahal yang berbanding di antara tempat-tempat tumpangan darjah yang di bawah dengan darjah di atas. Semuanya itu adalah dibelanjakan oleh orang-orang itu sendiri, untuk kesenangan orang-orang itu sendiri tidak untuk kesenangan atau faedah kerajaan- sedang syarikat kapal itu sendiri terpaksa mengadakan persiapan-persiapan untuk menyempurnakan tanggungannya bagi pelayaran itu. Kalau kita mengadakan kapal sendiri pun

apakah tidak mesti bertambang juga pergi ke sana? Apakah keselamatan dan hal ehwal mereka tatkala tiba di Tanah Suci itu tidak ada kawalan?

Kita sangat-sangat berdukacita melihat bahawa rupanya telah ada sebahagian daripada orang-orang yang dipandang “faham” tentang agama telah cuba membawa perkara-perkara yang dipandang oleh umat Islam sebagai suatu kebajikan itu disangka sebagai satu perbuatan yang mubzar perbuatan yang sia-sia dan tidak berfaedah “kecuali jemaah-jemaah Haji itu sahaja yang telah dapat menuanikan satu fardu agamanya”.

Kita mesti mengetahui bahawa orang-orang Haji yang pergi Haji itu adalah membelanjakan wangnya dengan kemahuan hatinya sendiri, dengan kemahuannya sendiri tidak dengan paksaan, maka dengan itu tidak ada suatu mana yang boleh menahannya atau dikata ia membuatnya kerana di sebaliknya itu harus mereka berpendapatan dan mengetahui beratus-ratus milion lagi wang yang boleh diselamatkan ke tempat lain.

Sepanjang masa yang telah lalu bahawa tidak ada suatu bunyi pun teguran tentang menunaikan ibadat dan tidak ada ungkit mengikut serta tidak ada pun sesuatu syor meminta balasan kebendaan tatkala menunaikan ibadat Haji itu. Adakah yang demikian itu kerana bodoh? Tidak! Ini ialah kerana orang-orang itu ikhlas menunaikan seruan itu tidak memuaskan di dalam kewajipan itu perasaan kebendaan atau menggunakannya sebagai mata pencarian.

Daripada apa yang tersebut ini dapatlah kiranya pembaca-pembaca memerhati bahawa rupanya ada di dalam lingkungan kita beberapa lama ini yang berbuat telunjuk lurus kelingking berkait untuk mengambil hati umat Islam tetapi jiwanya cuba mencela atau memalingkan ajaran Islam adanya.